

## Kenapa Temasya Şafar Mesti Dihapuskan?

Sebagai suatu bangsa yang telah merdeka, kita mestilah berusaha untuk mewujudkan suatu keperibadian yang luhur dan abadi dalam kebudayaan kita sesuai dengan lunas-lunas ajaran Islam yang suci.

Satu daripada faktor terpenting untuk mencapai cita-cita itu, perlu diadakan pengkajian kebudayaan kita dengan secara teliti, kerana kita yakin, pengaruh-pengaruh yang ada dalam kebudayaan kita tidaklah keseluruhannya bersifat baik, tidak juga semuanya buruk.

(Oleh: Safwan Haji Abdul Fatah)

Ada di antaranya yang sesuai dengan kehendak ajaran Islam, seperti kerja gotong-royong dan tolong-menolong yang telah menjadi tradisi dalam masyarakat kita Melayu sejak beberapa zaman. Unsur-unsur kebudayaan yang seumpama ini harus kita pertahankan, malah seyogianya dipupuk dibajai supaya hidup subur berkembang biak dalam masyarakat *modern* kita sekarang.

Dalam pada itu tidak sedikit kita dapati unsur-unsur kebudayaan yang terang-terang berlawanan dengan hukum agama dan bertentangan pula dengan semangat pembangunan di abad yang kedua puluh ini. Unsur-unsur yang seperti ini sebahagiannya ada yang telah berjaya kita memusnahkannya, misalnya adat “memingit anak-anak dara”, tetapi yang belum terkikis malah masih menjadi kecintaan masyarakat ramai masih banyak lagi, satu daripadanya ialah adat “Temasya Şafar” atau di setengah-setengah tempat disebut “mandi tolak bala”, iaitu yang akan dibicarakan dalam tulisan ini.

### Pengaruh Hindu-Yahudi:

Adat yang tersebut sebenarnya bukanlah percikan dari unsur ajaran agama Islam yang suci. Kerana tidak terdapat suatu kalimah pun di dalam Qur’an dan hadith al-Nabawī yang menyentuh tentang perlunya diadakan “Temasya

Şafar” atau “mandi tolak bala” itu.

Ada kemungkinan besar upacara mandi tolak bala ini kita warisi dari pengaruh ajaran Hindu. Adapun tentang masa upacara tersebut berjalan, iaitu pada hari Rabu akhir bulan Şafar, adalah dibuat oleh orang-orang Yahudi.

Orang-orang Yahudi bertemasya pada hari Rabu akhir bulan Şafar, iaitu sebagai menyatakan kegembiraan, kerana mereka mendapati, pada hari itulah nabi kita Muhammad, musuh ketat mereka mulai mendapat gering hingga membawa kepada wafatnya.

Mereka bertemasya ria di tepi-tepi pantai dan tempat-tempat peranginan dengan membawa alat-alat bunyi-bunyian seperti tambur, gong, gendang dan lain-lainnya.

### Kenapa “Temasya Şafar” Masyhur di Melaka?

Kemudian, siapakah yang membawa masuk adat tersebut ke dalam masyarakat kita orang Melayu?

Pada pendapat saya ialah orang-orang Portugis yang datang menjajah ke Melaka pada awal kurun Masihi yang keenam belas (tahun 1511 Masihi). Alasan saya adalah

Seperti berikut:

1. Hal yang demikian tidaklah mustahil bila mengingatkan, bahawa antara orang-orang Portugis dengan orang-orang Yahudi memang mempunyai persamaan sikap dan pendirian, iaitu mereka sama-sama membenci dan memusuhi peribadi Nabi Muhammad dan ajaran-ajaran yang dibawanya.

2. Selain dari itu, suatu bukti yang nyata, iaitu adat tersebut lebih kuat bertapak di negeri Melaka daripada negeri-negeri yang lain di seluruh tanah air. Sebagaimana yang kita maklumi, Temasya Şafar yang termasyhur ialah di pantai Tanjung Kling, Melaka.

Saya menaruh sepenuh kepercayaan, bahawa pantai Tanjung Kling masyhur dengan “Temasya Şafarnya” adalah kerana mempunyai kaitannya dengan sejarah yang tersebut di atas. Dan saya tidak fikir disebabkan sesuatu yang lain, umpamanya kerana keindahan pemandangan yang ada pada pantai itu. Kalau berdasarkan dari segi ini, tentulah tempat lain yang lebih masyhur, kerana pantai Tanjung Kling bukanlah satu-satunya pantai yang terindah dan tercantik di tanah air kita.

### Suatu Penyelewengan:

Dengan serba ringkas sejarah